

## Kritikan Kaum Muda Terhadap Pentadbiran Pendidikan di Kelantan dalam Majalah Pengasuh

*Modernis Criticism of the Administration of Education in Kelantan in Pengasuh's Magazine.*

MOHAMAD FIRDAUS MOHAMAD & ENGU AHMAD ZAKI ENGU ALWI

### ABSTRAK

*Artikel ini membincangkan kritikan kaum muda terhadap pentadbiran pendidikan di Kelantan dalam majalah Pengasuh. Fokus utama Kaum Muda adalah terhadap pentadbiran pendidikan dalam kalangan masyarakat Melayu di Kelantan. Kaum Muda menggunakan majalah Pengasuh sebagai medium utama untuk menyebarkan reformasi pendidikan kepada masyarakat Melayu abad ke-20. Artikel ini akan membincangkan kritikan terhadap pentadbiran pendidikan masyarakat Melayu di Kelantan. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif yang merangkumi pengumpulan dan analisis data daripada sumber-sumber primer yang diperoleh daripada Perpustakaan Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Negeri Kelantan (MAIK) seperti majalah Pengasuh. Selain itu, sumber sekunder turut digunakan seperti jurnal dan buku bagi mengukuhkan lagi kajian yang dijalankan. Data yang diperoleh akan dianalisis bagi mendapatkan maklumat yang sebenar berkenaan kajian yang dilakukan. Pengkaji menggunakan kaedah kualitatif analisis dokumen majalah Pengasuh. Dapatkan kajian ini menunjukkan bahawa Kaum Muda telah menggerakkan suatu pemikiran kritis berkenaan kritikan dalam pendidikan yang dibawakan oleh pihak Inggeris serta dalam masa yang sama berupaya untuk memberi kesedaran kepada masyarakat Melayu mengenai kepentingan pendidikan sebagai lambang kemelayuan sejati menerusi majalah Pengasuh.*

*Kata kunci:* Kaum Muda; Pendidikan; Majalah Pengasuh; Kelantan

### ABSTRACT

*This article highlights the role of Kaum Muda in critiquing the education administration in Kelantan, specifically targeting the challenges faced by the Malay community in the early 20th century. The group used Pengasuh magazine as a tool to spread their message about the need for educational reform. By examining the criticisms presented in the magazine, the study explores how Kaum Muda viewed the education system under British influence and how they advocated for the revitalization of the Malay language as an essential cultural marker. The research employs qualitative methods, primarily document analysis, to explore the content of Pengasuh and other sources like journals and books. This methodological approach provides an in-depth understanding of the concerns raised by Kaum Muda regarding education and its role in shaping Malay identity. The article underlines the importance of Pengasuh in mobilizing public awareness about these critical issues, particularly emphasizing how the Malay language was seen as a vital symbol of cultural identity during a period of British colonial rule. Overall, the study shows how Kaum Muda sought to challenge the existing educational structures and raise consciousness among the Malay community about preserving and promoting their education and culture through education reform.*

*Keywords:* Modernis; Education; Pengasuh Magazine; Kelantan

### PENGENALAN

Kelantan merupakan sebuah negeri yang mempunyai gerakan dalam menyebarkan pengetahuan pada peringkat akar umbi menerusi majalah Pengasuh di bawah seliaan Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Negeri Kelantan (MAIK) pada tahun 1918 oleh KDYMM Sultan Muhammad ke-IV di Istana Jalan Besar, Kota Bharu (Abdul Razak Mahmud

2015). Pemasyhuran institusi keagamaan MAIK adalah untuk menjalankan dasar pentadbiran yang lebih teratur dan sistematik dalam hal ehwal agama, sosial dan pendidikan bagi masyarakat Melayu Kelantan. Dengan terbentuknya MAIK, Kaum Muda mula mengadakan suatu gerakan dalam usaha untuk memurnikan agama. Dalam masa yang sama, Kaum Muda juga mengambil pendekatan menerusi lembaran majalah sebagai medium utama dalam

menggerakkan pembaharuan pendidikan secara terus kepada masyarakat Melayu Kelantan. Tujuan utama Kaum Muda memilih majalah Pengasuh sebagai medium utama disebabkan mempunyai ruang bebas dalam mengemukakan idea berkenaan kritikan pentadbiran pendidikan secara terus kepada pembaca masyarakat Melayu Kelantan serta dalam masa yang sama Kaum Muda turut membincangkan isu yang berkaitan dengan pembangunan dan pemodenan masyarakat Melayu di Kelantan (Muhamad Said 1918). Elemen terawal yang digunakan oleh Kaum Muda ialah majalah Pengasuh dan sidang pengarang melalui komunikasi dua hala antara pembaca dengan Kaum Muda. Majalah Pengasuh antara majalah terawal yang terbentuk melalui campur tangan kuasa sultan dengan tujuan untuk memperkasakan masyarakat Melayu Kelantan melalui perbincangan tanpa ada halangan daripada menyatakan idea atau permasalahan yang muncul dalam kalangan masyarakat Melayu (Muhamad Said 1918). Komunikasi ini menggambarkan Kaum Muda lebih sistematik dalam menjalankan hubungan dua hala antara masyarakat Melayu yang diwakili oleh Kaum Muda dengan pemerintah kerajaan negeri Kelantan.

#### PENTADBIRAN PENDIDIKAN DI KELANTAN

Tujuan utama Kaum Muda menggunakan majalah Pengasuh adalah untuk memanfaatkan sebaik mungkin kelebihan yang ada sebagai media massa pilihan masyarakat Melayu pada ketika itu. Perbezaan kelas sosial dalam kalangan masyarakat Melayu turut dibincangkan apabila pandangan Pikan dinyatakan menerusi terbitan majalah Pengasuh terhadap orang-orang yang berpangkat seperti demikian:

“bahawa orang-orang yang berpangkat itu mereka itulah hamba kerajaan, hamba kemuliaan dan hamba orang-orang ramai pada kerajaannya”

(Pikan 1930)

Kenyataan yang dinyatakan oleh Pikan ini seolah-olah memberi gambaran bahawa masyarakat Melayu ialah boneka kawalan bagi kerajaan British. Dalam masa yang sama, Kaum Muda menjelaskan bahawa identiti yang dibawa oleh masyarakat Melayu sudah dibentuk dengan fahaman feudalisme iaitu ketaatannya telah berubah kepada *Crown Colony*. Walaupun masyarakat Melayu diberikan dengan kelebihan pangkat dan jaminan kehidupan yang lebih selesa, namun Kaum Muda sama sekali

jelas tidak bersetuju dengan cara kerajaan British cuba menghasut pemikiran masyarakat Melayu kesan daripada amalan fatalis yang diamalkan (Swettenham 2016). Penekanan perkataan anggota kerajaan yang dimaksudkan oleh kerajaan British ini seolah-olah memberi gambaran bahawa masyarakat Melayu ini sama sahaja boleh dipengaruhi dengan kaedah yang diamalkan oleh golongan Inggeris semasa pemerintahan kesultanan Melayu Melaka (Shellabear 2016). British menggunakan konsep hero dalam pentadbirannya untuk melatih martabat masyarakat Melayu namun sebaliknya British berkeinginan untuk memberikan taat setia yang baharu itu kepada British dan bukannya kepada pemerintah tempatan.

Penggunaan gelaran hamba ini jelas menyatakan bahawa British tidak mengiktiraf keberadaan masyarakat Melayu sebagai seorang yang merdeka sebaliknya dianggap sebagai orang suruhan dalam kerajaan. Ketaatan ini sama juga dengan asas feudalisme namun British lebih pintar dengan mengatakannya dengan gelaran anggota kepada kerajaan. Kenyataan yang dinyatakan oleh Shellabear ini seolah-olah ingin menyatakan bahawa sokongan masyarakat Melayu seharusnya dibalas dengan jaminan mendapat pekerjaan dalam kerajaan.

Oleh sebab itulah majoriti daripada murid-murid yang ingin mendapatkan pendidikan di sekolah menyatakan hasrat untuk menjadi kakitangan kerajaan (Abdul Kadir Ahmadi 1930), walaupun umum mengetahui masyarakat Melayu tidaklah diberikan kelebihan dalam menjawat jawatan tinggi dalam kerajaan. Tambahan lagi, Pikan turut menegur sikap segelintir masyarakat Melayu yang berpangkat dalam kerajaan seperti berikut:

“jangan semata-mata menunjukkan kepandaian dirinya itu dengan berkata-kata buleh atau tahu membuatnya. Pangkat yang tinggi itu menuju ia kepada bahagian orang yang mempunyai ketinggian perangai. Maka jika lau orang yang berpangkat tinggi itu tiada baginya budi pekerti yang tinggi, tiadalah layak baginya memegang pangkat itu lagi dan lebih baik ia cabut diri daripadanya sebelum daripada sampai terkeji namanya oleh sebab pangkatnya yang akan jatuh itu”

(Pikan 1930)

Jaminan pekerjaan dan kehidupan yang selesa menjadi taruhan bagi anak-anak muda masyarakat Melayu di Kelantan untuk mendapatkan pendidikan dengan sebaiknya. Oleh hal yang demikian, doktrin pendidikan yang sedemikian telah merubah persepsi dan cara pemikiran murid-murid cuba mendapatkan seberapa banyak ilmu pengetahuan melalui

pendidikan agar memperoleh hasil yang sama seperti yang telah dijanjikan (Patriot 1919). Apa yang cuba dielakkan oleh Kaum Muda melalui pembaharuan pendidikan ini adalah mengenai cara berfikir dan amalan segelintir masyarakat Melayu yang sudah dipengaruhi dengan identiti Barat (Abdul Rahman 1930). Penekanan identiti dalam pembaharuan pendidikan inilah yang diusahakan oleh Kaum Muda supaya murid-murid yang akan mendapatkan pengajian di sekolah Melayu atau sekolah agama kerajaan negeri ini sedar akan kepentingan untuk mengekalkan identiti sebagai seorang Melayu yang progresif dan bukannya menjadi anggota dalam kerajaan kepada British (Abdul Kadir Ahmad 1930).

Ketertinggian adat dan fikiran tidak semestinya diletakkan dalam suatu persepsi dan naratif seperti sektor perkhidmatan dalam kerajaan sahaja. Malah pendidikan yang diperjuangkan oleh Kaum Muda adalah mengenai fungsinya dalam kemanusiaan yang dapat menghubungkan antara masyarakat Melayu dengan alam semula jadi dan antara masyarakat Melayu dengan kerajaan. Kaum Muda menggunakan penekanan konsep *ad-din* (الدين) untuk memberikan kritikan pentadbiran pendidikan mengikut kehendak agama Islam. Pendidikan ialah asas yang perlu dimurnikan kembali sebelum memasuki perkara yang lebih rumit. Salah satu daripada konflik yang melibatkan identiti antara Kaum Muda dan Kaum Tua adalah penerimaan dan penolakan terhadap penerimaan majalah Pengasuh dalam kalangan pembaca masyarakat Melayu pada ketika itu (Abu Mansur 1930). Walau bagaimanapun, Kaum Muda menegaskan bahawa pembaharuan pendidikan yang cuba dilakukan ini adalah semata-mata untuk membentuk identiti pendidikan yang lebih bersifat kemelayuan kepada masyarakat Melayu tanpa dipengaruhi daripada pengaruh British. Sebagaimana yang ingin dijelaskan oleh Pikan seperti berikut:

“orang yang berpangkat itu mestilah ingat jangan membiarkan jalan supaya kemuliaannya dapat dijatuhkan dengan wang”

(Pikan 1930)

Penjelasan ini secara jelas menggambarkan keadaan sosial masyarakat Melayu itu sendiri menunjukkan adanya perbezaan sosial dalam masyarakat terhadap pendidikan di Kelantan. Kepatuhan dalam kehidupan beragama ini perlu dilaksanakan tanpa mengira kedudukan pangkat kerana yang dibezakan dalam soal kehidupan ialah ketakwaannya kepada Tuhan dan bukan bergantung

kepada pangkat dan sosial yang dimiliki selari dengan konsep *ad-din* الدين. (Fauzan 2021).

Pembaharuan pendidikan yang ingin dijalankan oleh Kaum Muda adalah melibatkan bagaimana kepatuhan dalam kehidupan beragama boleh dikenalkan sebaik sahaja menamatkan pelajaran. Kepatuhan kepada agama Islam ini mestilah diterapkan dalam doktrin pemikiran murid-murid supaya tindakannya dapat diasimilasikan dalam kehidupan bermasyarakat, pekerjaan dan sebagai teladan kepada generasi baharu akan datang. Persoalan inilah yang menjadi keutamaan Kaum Muda kepada anak-anak Kelantan sebagaimana yang telah dipamerkan oleh generasi kini yang mempunyai masalah dengan identiti dan kepatuhan dalam melaksanakan perintah agama Islam.

Dalam masa yang sama, Kaum Muda juga menegaskan mengenai kepatuhan masa sebagai seorang anggota kerajaan sewajarnya melaksanakan tugasannya seperti yang telah diamanahkan, pendekatan ini juga sama seperti yang ditekankan kepada murid-murid supaya mematuhi masa belajar supaya pendidikan yang diterima mampu difahami oleh mereka dengan sebaik mungkin. Ibu bapa juga menjadi pendorong sebagai pengasas dalam pembaharuan pendidikan yang ingin dilakukan di Kelantan. Walaupun isu yang dijelaskan ini lebih menjurus kepada masyarakat Melayu yang bekerja dalam sektor kerajaan namun isu inilah yang menjadi permasalahan kepada Kaum Muda kerana setiap yang dilihat oleh murid-murid melalui komuniti masyarakat di sesuatu kawasan itu akan menjadi penyebab kepada tujuan mereka untuk mendapatkan pendidikan.

Perkara kedua yang cuba dijelaskan oleh Kaum Muda adalah melibatkan kelebihan dan kekurangan sebagai seorang yang memiliki pangkat dan kedudukan. Bagi Kaum Muda, pendidikan dan pangkat ini mempunyai hubungan yang amat rapat kerana dalam persoalan murid-murid yang ingin mendapatkan pelajaran kini lebih gemar untuk mendapatkan pangkat daripada menjadi manusia yang dapat menyumbangkan ilmu kepada kepentingan masyarakat terutama bagi golongan Melayu (Abu Mansur 1930). Oleh sebab itulah, pendidikan yang ingin dibentuk oleh Kaum Muda ini lebih menjurus kepada permasalahan yang sedia ada muncul dalam komuniti masyarakat Melayu pada ketika itu. Mengapa murid-murid lebih gemar menjadi anggota kerajaan daripada menyumbangkan segala ilmu pengetahuan mereka

dalam membangunkan masyarakat Melayu yang lebih berdaya saing. Perkara ini disebabkan berlakunya kemelesetan ekonomi dunia pada ketika itu yang mendorong murid-murid ini berubah hati daripada mendapatkan pendidikan untuk merubah taraf sosial dan lebih mengutamakan kehidupan yang terjamin sebagai imbalannya perlu menjadi “hamba kerajaan” kepada British (James Hamilton 1987).

Oleh hal yang demikian, Kaum Muda lebih gemar mempersoalkan perkara yang menjadi satu tuntutan kepada pembaharuan pendidikan di Kelantan. Dalam usaha untuk melakukan pembaharuan pendidikan, maka pada hemat Abdul Kadir Adabi perkara pertama dalam tuntutan Kaum Muda adalah mengenai perbelanjaan pendidikan bagi peruntukan tahun semasa pada ketika itu dan dijelaskan melalui tulisannya dalam majalah Pengasuh dalam bilangan 297 demikian katanya:

“Telah berbangkit perhajatan sesetengah orang pada perkara pelajaran yang menjalankan sekarang antara patut dibesarkan atau dikecilkan”

(Abdul Kadir Adabi, 1930)

Pendidikan ialah suatu alat untuk merubah mobiliti sosial, bahkan pendidikan juga boleh dianggap sebagai sektor terpenting dalam konteks membina idea *nation state*. Sekiranya pendidikan kurang diberi penekanan maka sesuatu bangsa boleh dikatakan mundur dalam setiap perkara kerana pendidikan ialah teras kepada kehidupan. Dalam usaha untuk menjayakan pendidikan, sememangnya peruntukan dengan jumlah yang cukup perlu diberikan untuk diagihkan kepada beberapa bahagian supaya pembangunan pendidikan ini dapat dilakukan dengan baik.

Oleh hal yang demikian, Abdul Kadir Adabi cuba memanfaatkan kelebihannya sebagai ahli sidang pengarang majalah Pengasuh dengan menjadikan Raja Chulan atau Raja di Hilir Raja Harun sebagai lambang pembaharuan dalam pendidikan. Abdul Kadir Adabi menyampaikan seruan ini untuk meyakinkan pembaca majalah Pengasuh, masyarakat Melayu dan pemerintah Kelantan umumnya. Tuntutan perbelanjaan bagi pendidikan di Kelantan ini bagi memenuhi keperluan kemudahan asas seperti buku-buku yang patut disalurkan kepada pelajar di sekolah Melayu serta dapat meningkatkan keupayaan sistem pendidikan di Kelantan. Abdul Kadir Adabi salah seorang

pelajar kepada Muhamad Yusuf Ahmad atau lebih dikenali sebagai Tok Kenali. Melalui perkembangan Madrasah al-Muhammadiyah al-Kelantaniah yang ditubuhkan pada tahun 1917 (Dato' Seri Paduka Raja Kelantan 1918), maka Abdul Kadir Adabi mengambil peluang dengan melibatkan diri sebagai kader Kaum Muda yang paling berpengaruh pada sepanjang penglibatan dalam tempoh tersebut (Abdul Kadir Adabi 1930). Abdul Kadir dengan senang hatinya mewakili Kaum Muda di Kelantan bagi menjelaskan tentang kelebihan yang terdapat di Perak kepada pembaca majalah Pengasuh apabila institusi pendidikan seperti SITC ini ditubuhkan atas usaha dan cadangan awal Sultan Idris Shah. Kaum Muda menganggap SITC sebagai lambang pendidikan awal yang patut dijadikan contoh bagi mengerakkan usaha pembaharuan pendidikan di Kelantan (Abdul Kadir Adabi 1930).

Kesan daripada penubuhan SITC pada tahun 1922, Abdul Kadir Adabi bersama Kaum Muda melihat bahawa wajarlah peruntukan bagi pelajaran ini diberikan perhatian khusus oleh kerajaan negeri serta dalam masa yang sama dapat memberikan kelebihan kepada Kaum Muda sebagai rujukan awal bagi melakukan pembaharuan pendidikan di Kelantan (Patriot 1919). Pada tahun 1930, pendidikan di Kelantan masih lagi baharu bagi masyarakat Melayu walaupun sudah bertapak 13 tahun Madrasah Muhammadiyah al-Kelantaniah di Kota Bharu (Muhammad Said 1918). Oleh sebab itu, pada hemat Abdul Kadir Adabi sangat penting bagi perbelanjaan pelajaran ini disebabkan pelajaran sudah mula diakui kewujudannya dan mempunyai kepentingan dalam kelas sosial masyarakat Melayu.

Kepercayaan Kaum Muda dalam pendidikan amatlah besar sekiranya perbelanjaan bagi pelajaran diberikan perhatian khusus oleh kerajaan. Abdul Kadir Adabi melihat pendidikan melalui perspektif ekonomi seperti sebuah pelaburan jangka panjang dengan faedah yang besar akan diperoleh dalam tempoh yang telah ditetapkan masanya. Begitulah harapan Kaum Muda dalam memberi keyakinan kepada masyarakat Melayu, bahawa pendidikan ini merupakan lembah galian bagi masyarakat Melayu untuk dijadikan sebagai sumber pengetahuan yang tidak terbatas. Walau bagaimanapun, kepercayaan masyarakat Melayu juga terletak pada keberhasilan sekolah-sekolah sedia ada, kebanyakan daripada mereka masih kurang memberi perhatian disebabkan keadaan sekolah yang tidak lengkap sebagai sebuah

tempat penyebaran ilmu yang baik kepada anak-anak Melayu (Abdul Kadir Adabi 1930).

Perbelanjaan bagi pendidikan menjadi perkara utama bagi perjuangan Abdul Kadir Adabi, walaupun peruntukan bertambah setiap tahun namun disebabkan kemelesetan ekonomi dunia, Abdul Kadir Adabi melihat pada perspektif kebersamaan bagi memajukan semua kelas sosial Melayu. Walaupun segelintir masyarakat Melayu menganggap bahawa peruntukan tahunan pendidikan tidak wajar disebabkan oleh keadaan ekonomi semasa (Abu Mansur 1930), namun Abdul Kadir Adabi lantang dengan menegaskan bahawa perlunya pengurangan bagi peruntukan perbelanjaan kerajaan yang lain seperti potongan gaji kepada pegawai kerajaan Melayu (Abu Mansur 1930). Kesungguhan Abdul Kadir Adabi dalam menuntut perbelanjaan bagi pelajaran ini tidak semata-mata pada tujuan perbelanjaan sahaja, namun disertakan alasan dan kesan sekiranya ditunaikan segala tuntutan bagi tujuan pembaharuan pendidikan di negeri Kelantan.

“Sungguhnya pelajaran-pelajaran diakui oleh sekalian, bahawa dengan dialah kemegahan dan kehidupan yang dikenali akan bangsa-bangsa oleh dunia dan tiap-tiap umat tiada geli daripada berdahulu-huluan kepadanya”

(Abdul Kadir Adabi 1930)

Pendidikan juga merupakan simbol kemajuan bagi sesebuah bangsa dan negara. Tanpa pendidikan sesebuah negara tidak akan dapat membentuk satu masyarakat yang maju dengan segala ilmu pengetahuan, malah lebih teruk jika dijadikan sebagai hamba atau buruh paksa oleh bangsa lain tanpa ada belas kasihan kemanusiaan. Oleh sebab itulah, majoriti masyarakat Melayu lebih gemar mendengar arahan British (Abdul Kadir Adabi 1930) untuk melaksanakan segala kerja dan diberikan upah dalam jumlah yang tidak berpatutan dengan masa dan usahanya. Sikap fatalis ini juga menjadi pendorong mengapa masyarakat Melayu sentiasa mendengar arah British dan dituruti sahaja asalkan mendapat jaminan perlindungan daripada mereka (Shaharuddin Mararuf 2020).

Abdul Kadir Adabi secara jelas membenarkan tentang kewajipan pendidikan bagi masyarakat Melayu bahawa mereka boleh maju sama seperti British sekiranya tidak taasub dengan pegangan fatalis yang melampau. Faktor pemerintah juga menjadi alasan utama mengapa pendidikan bagi

masyarakat Melayu tidak diberikan perhatian khusus. Pandangan pendidikan yang dikemukakan olehnya banyak melibatkan perkembangan daripada luar negeri dan umat Islam di seluruh dunia. Umumnya Kaum Muda telah menerima idea pembaharuan pendidikan dari Mesir seperti Tok Kenali yang mendapatkan pendidikan selama 20 tahun sebelum pulang ke Kelantan (Yusof Zaki 1975).

Abdul Kadir Adabi menjelaskan setiap perkara daripada tuntutan pelajaran yang bakal diperoleh daripada kerajaan sekiranya diperoleh oleh mereka. Pegawai kerajaan masing-masing hanya mementingkan diri sendiri dengan bersungut mengenai gajinya pada ketika itu (Abdul Kadir Adabi 1930). Tidak dihiraukan pada segala tuntutan kepada pembaharuan pendidikan. Kesedaran ini muncul daripada pemerhatian Kaum Muda kesan daripada kemelesetan ekonomi yang melanda dunia. Sikap lepas tangan ini amatlah dukacita bagi Kaum Muda kerana amalan *self-sufficient* sudah diterapkan dalam doktrin pemikiran pegawai kerajaan Melayu (Abu Mansur 1930). Sebagaimana yang telah dinyatakan oleh Raja Chulan bahawa peruntukan untuk pendidikan seharusnya ditambah setiap tahun, Kaum Muda berpendapat bahawa segala peruntukan yang tidak penting perlu dikurangkan dahulu dengan mengutamakan perkara pelajaran kepada anak-anak Melayu Kelantan. Penelitian Kaum Muda mengenai cukai-cukai yang telah dikenakan kepada masyarakat Melayu sepatutnya tidak menjadi masalah dalam proses pengagihannya. Abdul Kadir Adabi cepat bertindak balas untuk mendapatkan sumber berita menerusi informasi daripada luar negeri sebagai serangan atau bantahan kepada kerajaan Kelantan dalam mengutamakan reformasi pendidikan.

“barangkali oleh kerana hendak mencermatkan khazanah (perbendaharaan) kerajaan gamaknya, baharu ini kita mendengar suatu perkhabaran mengatakan persediaan negeri German dengan ikhlas hatinya menurunkan 20 persen daripada gajinya dan juga ahli-ahli mesyuarat negeri itu mengikut pegawai-pegawai kerajaan negeri itu dianggarkan tiada kurang daripada 6 million pound pada setahun”

(Abu Mansur 1930)

Abdul Kadir Adabi tidak sesekali takut pada ancaman daripada British, bahawa setiap tulisannya menjadi buah fikiran kepada analisis pembaca-pembaca majalah Pengasuh sebagai seorang reformis pendidikan dalam kalangan Kaum Muda. Peristiwa ini merupakan panduan kepada Kaum

Muda dalam mendesak kerajaan meneliti kembali berkenaan peruntukan bagi pelajaran walaupun mengalami masalah kemelesetan ekonomi dunia. Abdul Kadir Adabi berupaya menganalisis situasi yang berlaku di Jerman dengan memanfaatkan majalah *Pengasuh* untuk menyebarkan idea kesatuan kepada pembacanya khusus kepada masyarakat Melayu Kelantan mengenai semangat bekerjasama antara satu sama lain.

Walaupun idea kesatuan ini besar ruang lingkupnya, Abdul Kadir Adabi dapat ditangani dengan tertib kepada kerajaan semata-mata. Bagi idea kesatuan yang lainnya beliau menyematkan dalam kalangan masyarakat Melayu yang terdiri daripada pegawai awam Melayu dan masyarakat Melayu sendiri agar menumpahkan taat setia pada perkara pelajaran anak-anak Melayu Kelantan. Abdul Kadir Adabi mencemuh sebahagian pegawai dan kerani Melayu yang terus menerus tidak peduli akan nasib pelajaran anak-anak Melayu di Kelantan (Abdul Kadir Adabi 1930). Pengesyoran pertama dalam perbelanjaan pelajaran oleh beliau tidak disenangi oleh mereka kerana kesan keadaan ekonomi fiskal dunia umumnya (James Hamilton 1987).

## KESIMPULAN

Kesimpulannya, Kaum Muda telah berupaya memberi penjelasan mengenai kesedaran sosial berkaitan pendidikan melalui masalah tadbir urus yang dilihat tidak diberikan perhatian khusus oleh pihak pentadbiran. Persoalan ini juga telah menimbulkan tanda tanya kepada masyarakat Melayu dan Kaum Muda, khususnya persoalan mengenai golongan atasan Melayu yang lebih gemar menjadi penjawat awam British. Persoalan

Mohamad Firdaus Mohamad  
Pensyarah Jabatan Pengajian Umum  
Universiti College Bestari  
E-mel: firdausmohamadd97@gmail.com  
Pengarang koresponden

Engku Ahmad Zaki Engku Alwi  
Fakulti Pengajian Islam Kontemporari  
Universiti Sultan Zainal Abidin  
E-mel: drkuzaki@unisza.edu.my

ini muncul apabila tuntutan Kaum Muda yang menginginkan perubahan dalam iktikad dan identiti bagi anak-anak muda Melayu Kelantan yang ingin mendapatkan pendidikan atas sebab untuk mendapat jaminan sosial daripada kerajaan sedia ada.

Oleh hal yang demikian, persoalan ini mendorong Kaum Muda untuk merancang dan menyiarkan sentimen masyarakat Melayu supaya diberi pendidikan yang boleh memberikan jalan selamat kepada anak-anak mereka supaya pendidikan yang diperoleh oleh mereka kelak menjadi alat perubahan kepada komuniti dan sosial masyarakat Melayu. Justeru itu, keadaan ini pada asasnya disebabkan oleh keadaan ekonomi dan tuntutan masyarakat Melayu untuk diadakan satu perbelanjaan yang khusus untuk pendidikan. Pada hemat Abdul Kadir Adabi dan Kaum Muda yang lain, mereka bertindak lantang dengan mempersoalkan tindakan Raja Chulan apabila bertindak memihak kepada kerajaan British. Kebanyakan daripada teguran Kaum Muda juga banyak berpandukan kepada kesan keadaan sosial dan hal ini telah memberikan kelebihan kepada Kaum Muda dalam memperjuangkan hak keistimewaan masyarakat Melayu terutamanya melibatkan pendidikan.

## RUJUKAN

- Abdul Kadir Adabi. 1930. Perbelanjaan kerana pelajaran. *Pengasuh*.
- Abdul Kadir Ahmadi. 1930. Apakah tujuan murid-murid ke sekolah. *Pengasuh*.
- Abdul Rahman. 1930. Masalah kemajuan dunia. *Pengasuh*.
- Abdul Razak Mahmud. 2015. *Ikhtisar Sejarah Kelantan (Tanah Serendah Sekebum Bunga)*. Majlis agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan. Cetakan Pertama.
- Abu Mansur. 1930a. Fikiran Raja Chulan. *Pengasuh*.
- Abu Mansur. 1930b. Nasib Umat Melayu. *Pengasuh*.
- Abu Mansur, 1930c. Suatu teladan yang baik tetapi tiada siapa gemar mengingatnya. *Pengasuh*.
- Dato' Seri Paduka Raja Kelantan. 1918. *Pengasuh*.
- Fauzan. 2021. Konsep Ad-din menurut Syed Naquib al-Attas. *Jurnal al-Madaris*. 2(1): 120-129.
- Hamilton. 1987. Monetary Factors in the great depression. *Journal of Monetary Economics*. 19(2): 145-169.
- Muhamad Said. 1918. Madrasah al-Muhamadiah. *Pengasuh*.
- Patriot. 1919. Leteran pelajaran agama. *Pengasuh*
- Patriot. 1919. Seruan. *Pengasuh*.
- Pikan. 1930. Orang-orang yang berpangkat. *Pengasuh*.
- Shellabear W.G. 2016. Sejarah Melayu. Dewan Bahasa Pustaka.
- Swettenham., F. A. 2016. *Malay sketches*. John Lane.
- Yusoff Zaky Yacob. 1975. Tok Kenali dalam kenangan. *Pengasuh*.